

MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT ANGGOTA MTU-MATERIEL

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2730-majlis-pemakaian-pangkat-anggota-mtu-materiel

MINDEF, 28 Nov 17 – Satu Majlis Pemakaian Pangkat anggota MTU-Materiel telah disempurnakan oleh Asisten Ketua Staf Materiel, YBhg Brig Jen Dato' Dr Mohd Yunus bin Masjuki TUDM di Pejabat SISMAT. Anggota LLP yang telah dinaikkan pangkat terdiri daripada 5 staf MTU-Materiel. Majlis turut diserikan lagi dengan majlis penyerahan cendera kenangan daripada PW U I Yussry bin Samsuri kepada MTU-Materiel. YBhg AKS Materiel mengucapkan tahniah kepada anggota yang dinaikkan pangkat dan mengingatkan agar bersedia menggalas tanggungjawab yang lebih besar selari dengan pangkat yang diberikan. Beliau juga berbesar hati untuk mengabadikan cendera kenangan yang diterima di koridor pejabat Materiel.

